

28/06/2001

CDRC hantar kertas cadangan beli aset dua projek LRT

JAWATANKUASA Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) sudah menghantar kertas cadangannya kepada kerajaan berhubung cadangan membeli aset kedua-dua projek transit aliran ringan (LRT) Star dan Putra.

Pengerusinya, Datuk C Rajandram, berkata CDRC yang mengemukakan cadangannya kepada Kementerian Kewangan sedang menunggu kelulusan untuk memulakan perbincangan mengenai perkara itu dengan pihak yang terbabit.

Beliau berkata, kajian semula perkara itu meliputi operasi syarikat termasuk menyatukan perkhidmatan agar penyusunan semula itu berupaya menjadikan kedua-dua syarikat itu berdaya maju.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai format baru yang dikemukakan kepada kerajaan berikutan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan belum membuat keputusan sama ada untuk membeli atau tidak aset kedua-dua syarikat berkenaan.

"Kami berharap proses itu dapat diselesaikan secepat mungkin kerana ia bukannya keputusan CDRC dan kami memerlukan arahan daripada kerajaan.

"Sebaik saja pihak berkuasa memberi kelulusan, kami akan menemui semula kreditor," katanya ketika ditanya mengenai status Star dan Putra, di Kuala Lumpur, semalam.

CDRC ialah jawatankuasa tidak rasmi di Bank Negara Malaysia yang bertindak sebagai orang tengah antara peminjam dan sipiutang.

Perdana Menteri sebelum ini berkata, kerajaan masih perlu mengkaji masalah yang dihadapi kedua-dua pengendali sistem transit aliran ringan terbabit sebelum membuat keputusan.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan akan membeli aset kedua-dua Putra dan Star dengan menerbitkan bon berjumlah RM5.5 bilion menerusi Jentera Tujuan Khas bagi membantu pengendali LRT.

Rajandram berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) dan DP Information Network Pte Ltd (DP) yang disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai perjanjian itu, sebuah syarikat kerjasama dikenali RAM-DP Information Services Sdn Bhd ditubuhkan untuk berfungsi menyalurkan maklumat terkini mengenai perniagaan termasuk syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pengarahnya, Suresh Menon, berkata produk pertama keluaran syarikat itu ialah CorporateScan yang meliputi perkhidmatan penyelidikan lima hari dan analisis perniagaan yang diperlukan pelanggan.

(END)